

23/09/1997

Persatuan culas diberi amaran

Hussain Said

KERENAH yang berterusan dalam kontinjen Sukan Sea negara menuntut Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyidin Mohd Yassin, memberi amaran akan meletakkan persatuan terbabit dalam pemerhatian.

Sambil mengakui kerenah yang timbul, termasuk kelewatan persatuan sukan menghantar borang penyertaan atlit masing-masing serta kegagalan beberapa pengurus pasukan menunjukkan muka di Kem Latihan Nasional di Bangi, menjejaskan imej kontinjen negara.

Dengan hanya tinggal 19 hari lagi menjelang upacara perasmian di Jakarta, Muhyiddin berharap persatuan sukan lebih menumpukan perhatian dan komitmen terhadap persiapan atlit.

"Saya hairan bagaimana persiapan yang sudah kita rancang boleh menimbulkan masalah. Sepatutnya, persatuan lebih bertanggungjawab dan mengikut peraturan yang ditetapkan."

"Jika ia berterusan, kementerian akan meletakkan persatuan terbabit dalam pemerhatian," katanya selepas melawat pembinaan Kompleks Lawn Bowl - salah satu gelanggang Sukan Komanwel tahun depan - di Bukit Kiara, semalam.

Kenyataan Muhyiddin itu mengulas mengenai kerenah yang timbul dalam kontinjen negara kebelakangan ini sehingga menimbulkan rasa kecewa Majlis Olimpik Malaysia (MOM) dan Majlis Sukan Negara (MSN).

Kelmarin, Setiausaha MOM, Sieh Kok Chi, sekali lagi kecewa kerana Kongres Bowling Tenpin Malaysia (MTBC) menjadi persatuan sukan tunggal yang belum menyerahkan senarai nama pemain sehingga tarikh tutup penyertaan oleh penganjur.

Kok Chi dilaporkan terpaksa menggunakan budi bicara menulis sendiri nama pemain ketika di Jakarta semata-mata untuk mengelakkan pembatalan penyertaan skuad bowling negara dalam temasya itu nanti.

Sebelum ini, Kok Chi melahirkan kekecewaan kerana persatuan lewat menyerahkan senarai nama-nama atlit masing-masing biarpun notis awal sudah diberikan.

MSN turut berang dengan tindakan pengurus yang disenaraikan persatuan kerana gagal menghadiri Kem Latihan Nasional di Universiti Tenaga Nasional (Uniten), Bangi.

Menurut Muhyiddin, persatuan seharusnya menghormati keputusan bersama yang dibuat sebelum ini dengan MSN dan MOM.

"Macam bowling, biarpun mempunyai ramai pemain berkaliber, mereka tidak harus mempunyai masalah menyenaraikan pemain. Kita faham dengan jadual pertandingan yang ketat tetapi jangan sehingga menyukarkan MOM dan MSN."

"Secara langsung, ia menjejaskan imej kita di mata penganjur dan turut menyusahkan mereka. Apa yang kita rasa jika negara lain lewat menyerahkan senarai nama atlit mereka sekiranya kita menjadi tuan rumah?"

"Sebab itu juga, Sukom '98 meminta tempoh dipercepatkan tarikh pendaftaran daripada 18 hari kepada sebulan untuk memudahkan penganjur," katanya.

Muhyiddin turut mengingatkan semua atlit dan pegawai agar hadir di majlis penyerahan bendera kontinjen negara oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 6 Oktober ini.

(END)